## Buah Dari Kebaktian

Di dalam agama Islam, kita dilatih dengan berbagai-bagai ibadat, yang semuanya menuju kepada bakti kepada Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*. Dengan bakti dapatlah kita melalui segala macam percubaan hidup yang menyekat dan mengepung hampir segala tingkatan manusia, dan kita dapat keluar dari percubaan itu dengan selamat.

Firman Allah Ta'ālā:

*Innahū man yattaqi wa yaṣbir fa inna Allāha lā yuḍī'u ajra al-muḥsinīn*. (90, Yūsuf).

Ertinya: ((*Sesungguhnya sesiapa yang berbakti dan sabar, maka sesungguhnya Allah tidak menyia-nyiakan pahala orang-orang yang berbuat kebaikan*.))

Cubalah kita lihat keadaan di sekitar masyarakat kita. Bukan sedikit yang berubah keadaannya kerana cubaan itu. Ada yang diuji dengan sakit sahaja sudah goyang imannya dan putus asa dari rahmat Allah. Ada yang diuji dengan wang, lalu menjadi lupa daratan, lupa agama dan hilang baktinya kepada Allah. Ada yang diuji dengan pangkat, lalu berubah menjadi kejam dan hilang kasih sayangnya kepada manusia. Ada yang diuji dengan ilmu, lalu ia menjadi takbur dan sombong, dan ingkar kepada agama Allah. Ada yang diuji dengan kemiskinan dan kekurangan, lalu ia melanggar batas dan hilang kemanusiaannya. Semua ujian itu dapat merobohkan atau menggoyangkan iman seseorang, kecuali orang yangerbakti[1] kepada Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*.



Berbakti kepada Allah, iaitu tunduk dan takluk, setia dan ikhlas menjalankan perintah Allah, semata-mata kerana Allah, bukan kerana mengharapkan pujian orang. Begitu juga dalam menjauhkan larangan-Nya semata-mata kerana Allah, bukan kerana takut kepada orang.

Oleh kerana bakti itu menjadi ukuran yang mulia sekali di sisi Allah, maka orang yang berbakti kepada-Nya akan diberikan beberapa pemberian yang tidak diberikan kepada yang lainnya. Iaitu diberikan jalan kelepasan dari kesempitan hidup, diberikan rezeki dari jalan yang tidak diduga, dipermudah segala urusannya. Diampunkan kesalahannya dan diberikan pahala yang sangat besar. Semua

[1] Perkataan sebenar ialah yang berbakti.

itu ialah buah dari bakti. Firman Allah Ta'ālā:

*Wa man yattaqi Allāha yaj'al lahū makhrajā. Wa yarzuqhu min ḥaythu lā yaḥtasib* (2-3, al-Ṭalāq).

Ertinya: "Dan barangsiapa berbakti kepada Allah nescaya Allah adakan baginya tempat keluar dari kesusahan. Dan Ia berikan rezeki kepadanya dari jalan yang tidak disangka-sangka".

Dan firman-Nya lagi:

*Wa man yattaqi Allāha yaj'al lahū min amrihī yusrā* (4, al-Ṭalāq).

Ertinya: "Dan barangsiapa berbakti kepada Allah nescaya dijadikan-Nya segala urusannya mudah."

Marilah kita turuti jalan bakti kepada Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*, supaya kita selamat menempuh segala macam cubaan hidup.

Demikianlah sebagai buah daripada bakti kepada Allah. Buah bakti itulah hendaknya kita jadikan dasar tuntutan hidup kita. Maka dengan itu, mudah-mudahan Allah selamatkan kita dari segala ujian. *Amīn Allāhumma amīn*.

(Dari buah tangan *al-Ustādh* Muhammad 'Ali al-Ḥamīdī)


**Sudah Siap:**

**PERSURATAN MELAYU III**

**$7.00 sa-naskhah**

Penerbitan Qalam:


## Pemberangsang....

Telah bertebaran malapetaka
Kerana tangan manusia.....
Membuat neraka di alam semesta
Tempat insan mencari bahagia.

Hai manusia, di manakah keadilan pada bulan,
pada bintang
Lupakah kau daratan.....
Sedang kau dalam lautan.....
Penuh taufan penuh syaitan.

Kau lupa jalan lurus ciptaan Tuhan
Kau meraba dalam gelap-gelita tanpa panduan
Nisan kan berjejeran dua di tanah perkuburan
Bilakah lagi mau bangun dari impian.

Suara sunyi nanti turun kembali ke bumi
Kelam akan meliputi kembali suasana duniawi
Irama jiwa kau tanpa nada lagi
Sunyi sepi dari peri memimpi.

Kau tanyalah pada hati pada bumi
Kau tanyalah pada tanah pada diri
Agar kau mengerti.....
Agar kau kembali ke jalan suci
Tempat keadilan bersemadi

**– Zahari Awang**

Kota Bharu,
8.7.62